

Tingkah Laku Kepemimpinan Pengetua dan Kecerdasan Spiritual Guru Terhadap Pembentukan Efikasi Kendiri Guru

(Principal's Leadership Behavior and Teacher's Spiritual Intelligence Towards Formation Teacher Self-Efficacy)

Nur Syahida Abdul Kadir^{1*} , Faridah Mydin Kutty²

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: nursyahidaabdulkadir@gmail.com

²Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: fmkfpend@gmail.com

ABSTRAK

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Nur Syahida Abdul Kadir

(nursyahidaabdulkadir@gmail.com)

KATA KUNCI:

Efikasi kendiri guru

Kepemimpinan pengetua

Kecerdasan spiritual

Murid luar bandar

KEYWORDS:

Teacher self -efficacy

Principal leadership

Spiritual intelligence

Rural students

CITATION:

Nur Syahida Abdul Kadir & Faridah Mydin Kutty. (2023). Tingkah Laku Kepemimpinan Pengetua dan Kecerdasan Spiritual Guru Terhadap Pembentukan Efikasi Kendiri Guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(8), e002357. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i8.2357>

Efikasi kendiri guru merupakan aspek penting dalam menangani isu keciciran pendidikan murid luar bandar. Tinjauan literatur mendapati pencapaian akademik murid luar bandar berada pada tahap rendah. Oleh itu, kajian tinjauan mengenai efikasi kendiri guru serta hubungkaitnya dengan tingkah laku kepemimpinan pengetua dan tahap kecerdasan spiritual guru dijalankan. Dapatan kajian dapat digunakan oleh pengetua dalam menentukan gaya kepemimpinan serta merancang program berkaitan kecerdasan spiritual. Kajian kuantitatif ini menggunakan kaedah tinjauan soal selidik bagi mendapatkan data. Instrumen diadopsi daripada LBDQ XII, SISRI-24 dan TSES yang ditadbir secara atas talian menerusi Google Form. Seramai 141 orang guru tetap SMK di daerah Betong, Sarawak dipilih secara rawak sebagai sampel kajian. Data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif dan inferensi menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS versi 25). Dapatan kajian berdasarkan nilai pekali korelasi Spearman's Rho dan Kendall's Tau-B menunjukkan wujudnya hubungan linear positif yang kuat dan signifikan antara tingkah laku kepemimpinan pengetua dengan efikasi kendiri guru [$r_s = .967$, $p < 0.05$, $N = 141$]; [$T_b = .916$, $p < 0.05$, $N = 141$] dan kecerdasan spiritual guru dengan efikasi kendiri guru [$r_s = .903$, $p < 0.05$, $N = 141$]; [$T_b = .818$, $p < 0.05$, $N = 141$]. Secara keseluruhannya terdapat kemungkinan bahawa semakin tinggi tingkah laku kepemimpinan merintis struktur dan bertimbang rasa pengetua serta kecerdasan spiritual guru yang tinggi, maka semakin tinggi efikasi kendiri guru. Kesimpulannya, tingkah laku kepemimpinan merintis struktur dan bertimbang rasa serta aspek kecerdasan spiritual merupakan aspek yang penting dalam memastikan efikasi kendiri guru tinggi dalam menangani isu keciciran pendidikan khususnya terhadap murid luar bandar.

ABSTRACT

Teacher self-efficacy is an important aspect in dealing with the issue of rural students dropout. A literature review found that the academic achievement of rural students is at a low level. Therefore, a survey study on teacher self-efficacy and its relationship with the principal's leadership behavior and the level of spiritual intelligence of the teacher was conducted. The findings of the study can be used by principals in determining leadership styles and planning programs related to spiritual intelligence. This quantitative study uses a questionnaire survey method to obtain data. Instruments adopted from LBDQ XII, SISRI-24 and TSES administered online through Google Form. A total of 141 permanent SMK teachers in Betong district, Sarawak were randomly selected as the study sample. The data obtained were analyzed descriptively and inferentially using the Statistical Package for Social Science software (SPSS version 25). Research findings based on Spearman's Rho and Kendall's Tau-B correlation coefficients show that there is a strong and significant positive linear relationship between the principal's leadership behavior and the teacher's self-efficacy [$r_s = .967$, $p < 0.05$, $N = 141$]; [$T_b = .916$, $p < 0.05$, $N = 141$] and spiritual intelligence of teachers with teacher self-efficacy [$r_s = .903$, $p < 0.05$, $N = 141$]; [$T_b = .818$, $p < 0.05$, $N = 141$]. Overall, there is a possibility that the greater principal's structural leadership, considerate and spiritual intelligence are, the greater teacher's self-efficacy will be. In conclusion, the leadership behavior of pioneering structure and thoughtfulness as well as the aspect of spiritual intelligence is an important aspect in ensuring the self-efficacy of high school teachers in dealing with the issue of educational dropout, especially for rural students.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada bahawa tingkah laku kepemimpinan pengetua dan kecerdasan spiritual guru menyumbang terhadap pembentukan efikasi sendiri guru.

1. Pengenalan

Guru adalah aset penting dalam dunia pendidikan, kerana kualiti guru mencerminkan kualiti pendidikan di sesebuah negara (Okoye et al., 2008). Salah satu aspek teras dalam pembentukan guru yang berkualiti tinggi adalah efikasi sendiri guru (Holzberger, Philipp & Kunter, 2013). Ini kerana guru yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi tidak mudah berputus asa ketika menghadapi ujian dan cabaran dalam sektor pendidikan (Holzberger et al., 2013) serta cenderung untuk bersikap proaktif dalam profesion berbanding guru yang mempunyai efikasi sendiri yang rendah (Muhonen et al., 2021). Efikasi sendiri merupakan kemampuan seseorang untuk mencapai sesuatu matlamat berdasarkan pengalaman hidup (Bandura, 1994) serta keyakinan seseorang mengaplikasikan kemahiran dan pengetahuan sedia ada dalam melakukan sesuatu tugas yang mencabar (Maddux & Gosselin, 2012). Efikasi sendiri guru pula ditafsirkan sebagai tindakan kognitif yang menyaring pengalaman sedia ada guru dalam membuat

keputusan, bertindak dan merancang strategi pengajaran dan pembelajaran serta pengurusan bilik darjah (Hoy, Hoy & Davis, 2009). Implikasinya guru yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi mampu mewujudkan proses pengajaran dan pembelajaran yang bermakna serta mampu mengaktifkan sistem kognitif murid (Holzberger et al., 2013).

Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi pembentukan efikasi sendiri guru antaranya tekanan kerja (Klassens & Chiu, 2010), kepemimpinan pengetua (Nir & Kranot, 2006), tahap kepuasan bekerja (Klassen & Chiu, 2010; Bakar & Amat, 2022), kecerdasan spiritual guru (Marghzar & Marzban, 2018), jantina (Bellibas & Liu, 2017), kelayakkan akademik dan pengalaman bekerja (Klassen & Chiu, 2010; Bellibas & Liu, 2017). Salah satu aspek pembentukan efikasi sendiri guru yang menjadi fokus dalam kajian ini ialah kepemimpinan pengetua. Faktor kepemimpinan pengetua dipilih kerana menurut Muflihini (2008), pengetua merupakan pentadbir yang memainkan peranan penting dalam memacu pembentukan guru yang berkualiti di sekolah. Selain itu, sokongan padu pengetua terhadap guru-guru dapat menghasilkan guru yang proaktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Mehdinezhad & Mansouri, 2016; Reid, 2023).

Aspek pembentukan efikasi sendiri guru kedua yang menjadi fokus dalam kajian ini ialah kecerdasan spiritual guru. Aspek kecerdasan spiritual guru merupakan salah satu faktor yang menjadi tunjang keberhasilan dalam bidang pendidikan (Mishra & Vashist, 2014; Rahmawati, Ahmad & Suriansyah, 2019). Kecerdasan spiritual merupakan kecerdasan rohani yang membolehkan seseorang individu meneroka nilai – nilai baru dalam diri serta menggabungkan kemahiran interpersonal dan kemahiran intrapersonal bagi mengisi jurang antara diri dan juga orang lain (Zohar, 2012). Guru yang mempunyai kecerdasan spiritual yang tinggi juga mempunyai efikasi sendiri yang tinggi iaitu mampu menangani ujian dan cabaran dalam dunia pendidikan (Mishra & Vashist, 2014). Sehubungan dengan itu, efikasi sendiri guru dapat memberikan impak yang positif terhadap motivasi pengajaran guru (Barni, Danioni & Benevene, 2019). Oleh itu kajian ini memfokuskan kepada dua aspek penting dalam pembentukan efikasi sendiri guru iaitu kepemimpinan pengetua dan kecerdasan spiritual guru. Ini kerana, kedua-dua aspek tersebut dapat memberikan impak yang positif dalam kualiti pendidikan.

Aspek efikasi sendiri dapat menentukan usaha guru dalam memastikan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran (Chacón, 2005; Klassen & Tze, 2014; Li & Cheung, 2021) serta mempengaruhi motivasi guru dalam meningkatkan kualiti pengajarannya (Bilim, 2014). Khususnya dalam menghadapi isu dan cabaran mendidik murid - murid di kawasan luar bandar. Antara isu dan cabaran dalam mendidik murid – murid luar bandar ialah isu latar belakang ekonomi keluarga murid (Rashid, 2008; Ibrahim, 2014; Yettick et al., 2014, Rashid & Samat, 2018) tahap pendidikan keluarga murid (Rashid & Samat, 2018) penglibatan ibu bapa terhadap akademik (Adam, Kassim, & Salleh, 2009; Othman, 2011; Maxwell & Surat, 2020) dan kemudahan teknologi pendidikan khususnya dalam literasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) (Setyorini, 2016; Belalang & Abd Rahman, 2016). Faktor – faktor tersebut menjadikan usaha mendidik murid-murid di luar bandar lebih mencabar berbanding mendidik murid - murid di bandar (Soe, 2018) dan secara tidak langsung faktor tersebut telah menyumbang kepada pencapaian akademik yang rendah, khususnya dalam kalangan murid - murid sekolah menengah luar bandar (Adam et.al, 2009; Othman, 2011; Ibrahim, 2014; Abdullah, Talip, & Majid, 2017). Justeru sekolah di luar bandar amat memerlukan guru yang mempunyai efikasi

kendiri yang tinggi agar motivasi belajar murid dapat ditingkatkan menerusi sesi pengajaran dan pembelajaran yang kreatif, inovatif dan kondusif.

Terdapat beberapa aspek yang menyumbang kepada pembentukan efikasi sendiri guru, antaranya aspek kepemimpinan pengetua. Hal ini kerana kepemimpinan pengetua yang berwibawa memberikan impak yang positif terhadap pembentukan efikasi sendiri guru dan keberhasilan murid (Omar & Ismail, 2019; Shin, 2020; Polatcan, Arslan, & Balci, 2021). Selain itu, terdapat hubungan yang signifikan antara kepemimpinan merintis struktur pengetua dengan pembentukan motivasi mengajar guru (Yalçinkaya et al., 2021). Oleh itu, pengetua bukan sahaja perlu memainkan peranan sebagai pemantau malah perlu bertindak sebagai pendidik yang komited, pengurus sekolah, pakar motivasi, pencetus inspirasi dan ketua yang berwawasan (Muflihin, 2008).

Selain tingkah laku kepemimpinan pengetua, kecerdasan spiritual merupakan salah satu faktor yang menyumbang terhadap pembentukan efikasi sendiri guru (Marghzar & Marzban, 2018). Guru yang mempunyai kecerdasan spiritual yang tinggi mampu mengorbankan masa untuk mengajar dan mendidik murid dengan ikhlas (Singla, Mehta, & Mehta, 2021), mampu menyelesaikan masalah dengan rasional (Emmons, 2000), mampu menangani cabaran hidup serta tekanan kerja dengan bijaksana (Zhaleh & Ghonsooly, 2017). Selain itu guru yang mempunyai kecerdasan spiritual yang tinggi juga mampu mentransformasi murid dengan mewujudkan suasana pembelajaran yang interaktif, proaktif dan kondusif (Halik, Suredah & Ahdar, 2018). Walaupun elemen kecerdasan spiritual dan kepemimpinan pengetua didapati secara kajian literatur menyumbang dalam pembentukan efikasi sendiri guru, namun begitu kajian tersebut sangat terhad dijalankan di Malaysia khususnya di daerah luar bandar Sarawak. Oleh itu, kajian mengenai hubungan kecerdasan spiritual, tingkah laku kepemimpinan pengetua dan pembentukan efikasi sendiri guru dilaksanakan.

1.1. Objektif

- i. Mengetahui tahap efikasi sendiri guru sekolah menengah di daerah Betong, Sarawak.
- ii. Mengetahui tingkah laku kepemimpinan pengetua di daerah Betong, Sarawak.
- iii. Mengetahui tahap kecerdasan spiritual guru sekolah menengah di daerah Betong, Sarawak.
- iv. Mengetahui hubungan antara tingkah laku kepemimpinan pengetua, kecerdasan spiritual guru dan efikasi sendiri guru di daerah Betong, Sarawak.

2. Sorotan Literatur

Efikasi sendiri merupakan kemampuan seseorang untuk menyelaras dan mengatur strategi bagi menghadapi situasi yang mencabar serta membina keyakinan diri yang tinggi dalam mengharungi ujian dan cabaran (Maddux, 2013). Hal ini kerana efikasi sendiri bertindak sebagai stimulus (Bandura, 1994) dalam melahirkan individu yang bersifat optimis dan bermotivasi serta mampu menyelesaikan masalah yang sukar (Mark, Donaldson & Campbell, 2011). Efikasi sendiri guru pula merupakan faktor yang dapat mempengaruhi aktiviti instruksional dan orientasi guru terhadap proses pembelajaran dan pengajaran (Holzberger et al., 2013; Zee & Koomen, 2016). Ini kerana efikasi sendiri guru mempengaruhi keyakinan guru dalam merancang proses pembelajaran (Hoy et al., 2009), mengawal tingkah laku murid serta menguruskan bilik darjah dengan baik (Jaafar, & Tamuri, 2013; Zee & Koomen 2016). Tambahan lagi, efikasi

kendiri guru menyumbang secara positif terhadap pencapaian akademik murid (Jaafar, & Tamuri, 2013). Justeru itu, guru yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi mampu mewujudkan proses pembelajaran yang bermakna (Künsting, Neuber, & Lipowsky, 2016) serta meningkatkan motivasi murid untuk berjaya dalam pelbagai bidang dan peringkat (Mojavezi & Tamiz, 2012; Schunk, & DiBenedetto, 2016; Shahzad, & Naureen, 2017).

2.1. Model efikasi sendiri

Terdapat beberapa model efikasi sendiri antaranya model efikasi sendiri oleh Albert Bandura (Bapa teori kognitif). Berdasarkan model efikasi sendiri oleh Albert Bandura, terdapat empat sumber yang menyumbang terhadap pembentukan efikasi sendiri. Pertama *past performance* iaitu pengalaman kejayaan. Menurut Bandura (1994), kejayaan yang diperoleh daripada usaha yang gigih dapat meningkatkan keyakinan dalam mengharungi cabaran yang sukar. Sumber kedua iaitu *vicarious experience* iaitu pengalaman melalui pemerhatian. Menurut Bandura (1994), keyakinan seseorang dalam menyelesaikan cabaran yang sukar dapat ditingkatkan melalui pemerhatian kejayaan orang lain. Sumber ketiga iaitu *verbal persuasion* iaitu pujukan lisan. Menurut Bandura (1994), keyakinan diri seseorang dapat ditingkatkan dengan pemberian kata-kata semangat atau motivasi. Sumber yang keempat pula, *emotional and psychological cues* iaitu keadaan emosi dan psikologi kerana individu yang mempunyai emosi dan psikologi yang baik serta stabil cenderung untuk berfikir positif dalam setiap tindakannya (Bandura, 1994). Secara keseluruhannya, berdasarkan model efikasi sendiri Bandura (1994), efikasi sendiri seseorang dapat ditingkatkan melalui pengalaman kejayaan, pemerhatian kejayaan pihak lain, pujukan lisan serta keadaan emosi dan psikologi yang baik.

Selain Bandura (1994), Tschannen-Moran dan Hoy (2001) juga mempunyai model efikasi sendiri. Model efikasi sendiri tersebut menjelaskan guru yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi mampu merancang proses pembelajaran dan pengajaran dengan baik, mampu meningkatkan keberhasilan murid serta mengendalikan bilik darjah dengan baik (Tschannen-Moran & Hoy, 2001). Model efikasi sendiri Tschannen-Moran dan Hoy (2001) mengandungi tiga konstruk. Konstruk pertama ialah efikasi dalam penglibatan murid (*Efficacy in Student Engagement*) konstruk ini dapat menentukan keyakinan guru dalam meningkatkan motivasi belajar. Konstruk kedua ialah efikasi dalam amalan instruksional (*Efficacy in Instructional Practices*) konstruk ini dapat menentukan keupayaan guru mencari alternatif bagi memastikan objektif pembelajaran tercapai. Konstruk ketiga pula ialah efikasi dalam pengurusan bilik darjah (*Efficacy in Classroom Management*) konstruk ini dapat menentukan usaha guru dalam mengawal tingkah laku mengganggu murid di dalam kelas (Tschannen-Moran & Hoy, 2001). Secara keseluruhannya, model efikasi sendiri Tschannen-Moran dan Hoy (2001) memfokuskan kepada faktor pembentukan efikasi sendiri seorang guru antaranya faktor penglibatan murid, amalan instruksional guru dan pengurusan bilik darjah.

2.2. Kepemimpinan pengetua

Aspek kepemimpinan pengetua merupakan faktor yang mendorong pembentukan efikasi guru. Kepemimpinan merujuk kepada kemampuan pengurusan dalam membuat keputusan yang bijaksana dalam mencapai matlamat organisasi (Stogdill & Coons, 1957). Kepemimpinan pengetua pula merujuk kepada individu yang berperanan dalam menentukan matlamat serta tindakan terhadap pengoperasian sekolah agar

dilaksanakan mengikut piawai yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (Noraini et al., 2014). Terdapat beberapa gaya kepemimpinan antara gaya kepemimpinan merintis struktur, bertimbang rasa, transformasional dan transaksional. Menurut Bass dan Avolio (1992) kepemimpinan transformasional merujuk kepada kepemimpinan yang mengubah individu dalam organisasi dengan dorongan rohani dan rangsangan intelektual kepada pekerja dalam mencapai matlamat organisasi, manakala kepemimpinan transaksional pula merujuk kepada gaya kepemimpinan yang cakna terhadap keperluan pekerja hubungan antara pekerja dengan pemimpin berdasarkan matlamat organisasi. Kepemimpinan merintis struktur pula merujuk kepada kepemimpinan yang jelas menerangkan peranan pemimpin dan peranan ahli organisasinya dengan menjadualkan tugas, menentukan matlamat organisasi serta menentukan pengoperasian organisasi yang seragam (Stogdill, Goode, & Day, 1962). Manakala kepemimpinan bertimbang rasa pula merujuk kepada tingkah laku pemimpin yang menghormati dan menghargai usaha serta mengambil berat terhadap kebajikan peribadi ahli organisasinya (Stogdill et al., 1962). Tambahan lagi, kepemimpinan merintis struktur dan kepemimpinan bertimbang rasa penting dalam memastikan kejayaan serta keberhasilan bagi sesebuah organisasi (Stogdill & Coons, 1957). Ringkasnya, aspek kepemimpinan penting dalam memastikan pengoperasian organisasi berjalan lancar dan mencapai matlamat organisasi.

2.3. Kecerdasan spiritual

Aspek kecerdasan spiritual juga, secara tidak langsung menjadi stimulus terhadap pembentukan efikasi sendiri guru. Ini kerana, kecerdasan spiritual merupakan kemampuan seseorang mengawal tingkah laku negatif serta menyelesaikan masalah berlandaskan nilai-nilai kerohanian (Zohar, 2012). Selain itu, individu yang mempunyai kecerdasan spiritual yang tinggi berupaya menyesuaikan antara aspek realiti bukan material dan transenden (King, 2009). Terdapat beberapa model mengenai kecerdasan spiritual antaranya, model Emmons (2000), model Vaughan (2002) dan model King (2009).

Menurut Emmons (2000), kecerdasan spiritual merupakan pengamalan elemen spiritual semasa menyelia dan menyelesaikan masalah seharian. Manakala menurut Vaughan (2002) dalam modelnya bahawa kecerdasan spiritual merupakan kuasa pemahaman yang mendalam terhadap persoalan dan persepsi pada setiap peringkat kesedaran. Tambahannya lagi, kecerdasan spiritual dapat dikembangkan melalui latihan agar dapat membezakan dunia khayalan dan realiti. Selain itu, kecerdasan spiritual mendorong manusia meneroka maksud terdalam, tujuan dan motivasi tertinggi dalam kehidupan agar dapat membeza di antara perkara yang betul dan salah (Zohar, 2012). Umumnya, kecerdasan spiritual merujuk kepada kemampuan seseorang untuk menzahirkan sifat belas ihsan, nilai murni dan mensintesis makna daripada pengalaman seharian.

Kajian ini memfokuskan kepada model kecerdasan spiritual yang dikembangkan oleh King (2009). Terdapat empat elemen kecerdasan spiritual yang ditekankan oleh King (2009) iaitu elemen pertama ialah pemikiran eksistensial kritikal iaitu kemampuan seseorang individu menaakul secara kritis mengenai masalah yang wujud dari perspektif eksistensial. Aspek yang kedua ialah penghasilan makna peribadi iaitu kemampuan seseorang mengenal pasti makna dan tujuan kehidupan berdasarkan pengalaman yang diperolehinya sama ada secara fizikal ataupun mental. Aspek yang ketiga ialah kesedaran transendental iaitu keupayaan seseorang menaakul corak transenden diri sama ada diri transpersonal atau transenden bagi menentukan hubungan antara diri sendiri dengan


orang lain semasa dalam keadaan sedar (King, 2009). Contohnya keupayaan seseorang menganalisis aspek dalaman dan luaran dirinya sama ada dipengaruhi oleh aspek material ataupun bukan material. Aspek yang keempat ialah peluasan keadaan sedar iaitu kemampuan seseorang untuk keluar dan masuk dalam tahap kesedaran yang berbeza. Contohnya kemampuan seseorang untuk membuat pilihan yang tepat dan jelas semasa dalam keadaan kesedaran yang tinggi. Ringkasnya model kecerdasan spiritual oleh King (2009) ini mengandungi empat elemen asas dalam menentukan kecerdasan spiritual iaitu pemikiran eksistensial kritikal, penghasilan makna peribadi, kesedaran transendental dan peluasan keadaan sedar.

Kesimpulannya, pendidikan berkualiti penting bagi menyerlahkan bakat dan potensi yang ada pada murid bagi menangani isu keciciran pendidikan. Namun begitu bagi memastikan pendidikan berkualiti dapat diwujudkan, guru yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi amatlah diperlukan. Sehubungan dengan itu, tingkah laku kepemimpinan pengetua (Sirait, 2020) dan aspek kecerdasan spiritual (Zhaleh & Ghonsooli, 2017) diperlukan sebagai tggak pembentukan efikasi sendiri guru.

2.4. Kerangka konseptual kajian

Rajah 1 menunjukkan pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar yang digunakan dalam kajian ini. Pembolehubah bebas yang dikaji dalam kajian ini ialah tingkah laku kepemimpinan pengetua dan kecerdasan spiritual guru. Manakala pembolehubah bersandar pula ialah efikasi sendiri guru. Hubungkait antara pembolehubah dalam kajian ini ialah prestasi guru dan kemenjadian murid.

Rajah 1 : Hubungan antara pembolehubah




Rajah 2 menjelaskan mengenai kerangka konseptual kajian ini berdasarkan pembolehubah–pembolehubah kajian. Kajian mengenai hubungan tingkah laku kepemimpinan pengetua dan kecerdasan spiritual guru terhadap pembentukan efikasi sendiri guru dibuat berteraskan kepada skala kepemimpinan oleh Stogdill (1963), teori kecerdasan spiritual King (2009) dan teori efikasi sendiri guru (Tschannen-Moran & Hoy, 2001).

Skala kepemimpinan oleh Stogdill (1963) iaitu skala kepemimpinan Negara Ohio (*Ohio State Leadership Behaviors*) dapat digunakan untuk mengukur tingkah laku pemimpin bagi sesebuah organisasi (Stogdill, 1963). Skala kepemimpinan Negara Ohio ini terdiri daripada 10 konstruk namun kajian ini hanya memfokuskan kepada dua konstruk sahaja iaitu tingkah laku kepemimpinan merintis struktur dan kepemimpinan bertimbang rasa. Hal ini kerana tingkah laku kepemimpinan merintis struktur dan tingkah laku

kepemimpinan bertimbang rasa merupakan komponen tingkah laku kepemimpinan yang diamalkan oleh kebanyakan pemimpin secara meluas dan ia terbukti sebagai tingkah laku kepemimpinan yang paling mantap (Fleishman, 1998).

Rajah 2: Kerangka konseptual kajian



Sumber: Stogdill (1963), Tschannen-Moran dan Hoy (2001), King (2009)

Teori kecerdasan spiritual oleh King (2009) pula digunakan untuk menjelaskan tahap kecerdasan spiritual guru. Bagi mencapai objektif kajian untuk mengukur tahap kecerdasan spiritual guru, instrumen *Spiritual Intelligence Self-Report Inventory* (SISRI-24) digunakan. SISRI-24 mengandungi empat konstruk. Konstruk pertama ialah pemikiran kewujudan kritikal (*Critical Existential Thinking*) ia mengandungi tujuh item yang dapat digunakan untuk mengukur tujuan kewujudan seseorang serta hubungan mereka dengan persekitarannya. Contohnya pertimbangan dalam aspek kehidupan, kematian, realiti kehidupan, kebenaran dan keadilan. Konstruk kedua pula ialah pengeluaran makna peribadi (*Personal Meaning Production*). Konstruk ini mengandungi lima item yang dapat mengukur keupayaan seseorang dalam mencipta makna serta tujuan dalam kehidupannya bagi membezakan pengalaman baik dan buruk sama ada secara mental atau pun fizikal. Konstruk ketiga ialah kesedaran transendental (*Transcendental Awareness*). Konstruk ini mengandungi tujuh item yang dapat digunakan untuk mengukur keupayaan seseorang menilai dengan lebih meluas berdasarkan aspek fizikal dan aspek yang berbeza daripada pengalaman normal. Kecerdasan transendental ini dapat dilihat pada orang lain secara peribadi. Konstruk keempat pula ialah peluasan keadaan sedar (*Conscious State Expansion*). Konstruk ini mengandungi lima item yang dapat digunakan untuk mengukur kuasa seseorang dalam mengawal dan memasuki ruang rohani yang lebih tinggi melalui doa, pertimbangan atau muhasabah diri serta meditasi yang mendalam (King, 2009).

Seterusnya aspek efikasi sendiri guru diukur dengan menggunakan skala *Teachers Sense of Efficacy Scale* (TSES) oleh Tschannen-Moran dan Hoy (2001). TSES mengandungi tiga

konstruk yang dapat mengukur efikasi sendiri guru. Kontruk pertama ialah efikasi dalam penglibatan murid (*Efficacy in Student Engagement*), konstruk ini dapat mengukur usaha guru dalam meningkatkan penglibatan murid semasa proses pembelajaran dan pengajaran. Konstruk kedua ialah efikasi dalam amalan instruksional (*Efficacy in Instructional Practices*), konstruk ini dapat digunakan untuk mengukur usaha guru dalam memastikan keberkesanan proses pembelajaran dan pengajaran. Konstruk ketiga ialah efikasi dalam pengurusan bilik darjah (*Efficacy in Classroom Management*), konstruk ini mengandungi empat item yang dapat mengukur kemampuan guru menguruskan bilik darjah, disiplin murid serta mengaplikasikan strategi positif dalam mengatasi masalah murid dalam bilik darjah (Tschannen-Moran & Hoy, 2001).

Secara keseluruhannya, kerangka konseptual kajian ini menerangkan perkaitan antara konstruk yang terkandung dalam model Kepemimpinan Negara Ohio, model kecerdasan spiritual oleh King (2009) dan model *Teachers Sense of Efficacy Scale* (TSES) oleh Tschannen-Moran dan Hoy (2001) dalam meninjau hubungan aspek tingkah laku kepemimpinan pengetua, kecerdasan spiritual guru dan efikasi sendiri guru.

3. Metod Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan kerana kajian tinjauan merupakan prosedur dalam penyelidikan kuantitatif untuk meninjau sampel atau keseluruhan populasi kajian dengan menggunakan soal selidik bagi menggambarkan sikap, pendapat, tingkah laku, atau ciri-ciri populasi. Seramai 141 orang guru daripada keseluruhan populasi guru Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Betong, Sarawak dipilih sebagai sampel kajian. Menurut Cohen (2013) sampel kajian seramai 120 orang merupakan bilangan optimum untuk menjalankan ujian korelasi iaitu untuk meninjau hubungan antara tingkah laku kepemimpinan pengetua, kecerdasan spiritual guru dan pembentukan efikasi sendiri guru. Pemilihan sampel dilakukan dengan menggunakan kaedah persampelan rawak mudah agar dapat memberikan peluang yang sama rata kepada setiap individu untuk menjadi sampel daripada keseluruhan populasi tersebut. Namun begitu, bagi tujuan mencapai objektif kajian, responden mestilah mempunyai kriteria berikut: (i) Guru terlatih dan (ii) telah berkhidmat di bawah pengetua berkenaan sekurang – kurangnya setahun.

Soal selidik yang digunakan mengandungi empat bahagian iaitu bahagian A demografi responden, bahagian B mengandungi 18 item untuk mengukur tingkah laku kepemimpinan pengetua, bahagian C mengandungi 21 item untuk meninjau tahap kecerdasan spiritual guru dan bahagian D mengandungi 12 item untuk mengukur tahap efikasi sendiri guru. Semua instrumen diadopsi daripada tiga jenis instrumen iaitu *Leader Behaviour Description Questionnaire form XII* (LBDQ XII) (Stogdill, 1963), *The Spiritual Intelligence Self Report Inventory* (SISRI-24) (King, 2009) dan *Teachers Sense of Efficacy Scale* (TSES) versi pendek yang direka oleh Tschannen-Moran dan Hoy (2001).

Kesemua instrumen yang diadopsi merupakan instrumen yang pada asalnya ditulis dalam Bahasa Inggeris. Oleh itu, bagi memudahkan responden memahami setiap item maka kaedah penterjemahan berbalik yang diasaskan oleh Brislin (1970) digunakan untuk menterjemahkan kesemua item pengukuran atau soalan selidik ke dalam bahasa Melayu. Kaedah penterjemahan berbalik bertujuan untuk mengenal pasti kesilapan makna dalam perkataan atau ayat (Brislin, 1970). Dalam kajian ini, skala likert 5 digunakan untuk mendapatkan maklumat bagi menjawab persoalan kajian. Menurut

Cresswell (2012) skala likert adalah teknik pengumpulan data yang efisien dan sistematik.

Jadual 1 menunjukkan skala likert konstruk tingkah laku kepemimpinan pengetua yang digunakan dalam soal selidik. Skala 1 menunjukkan tingkah laku kepemimpinan pengetua yang tidak pernah diamalkan di sekolah, manakala skala 2 menunjukkan jarang diamalkan, skala 3 kadang – kadang diamalkan, skala 4 selalu diamalkan dan skala 5 menunjukkan tingkah laku kepemimpinan pengetua yang sentiasa diamalkan di sekolah.

Jadual 1: Skala likert konstruk tingkah laku kepemimpinan pengetua

Tahap konstruk	Skor
Sentiasa	5
Selalu	4
Kadang – kadang	3
Jarang	2
Tidak pernah	1

Jadual 2 menunjukkan skala likert konstruk kecerdasan spiritual guru yang digunakan dalam soal selidik bagi kajian ini. Skor 1 menunjukkan konstruk kecerdasan spiritual guru adalah sama sekali tidak benar tentang responden. Manakala skor 2 menunjukkan tidak begitu benar tentang responden, skor 3 menunjukkan agak benar tentang responden, skor 4 menunjukkan sangat benar tentang responden dan skor 5 menunjukkan sepenuhnya benar tentang responden mengenai konstruk kecerdasan spiritual dalam diri responden.

Jadual 2: Skala likert konstruk kecerdasan spiritual guru

Tahap konstruk	Skor
Sepenuhnya benar tentang saya	5
Sangat benar tentang saya	4
Agak benar tentang saya	3
Tidak begitu benar tentang saya	2
Sama sekali tidak benar tentang saya	1

Jadual 3 menunjukkan skala likert konstruk efikasi sendiri guru yang digunakan dalam borang tinjauan soal selidik bagi kajian ini. Skor 1 menunjukkan tiada amalan efikasi sendiri yang diamalkan oleh responden. Manakala skor 2 menunjukkan amalan efikasi sendiri yang diamalkan sangat sedikit, skor 3 diamalkan ada sedikit, skor 4 diamalkan agak sedikit dan skor 5 menunjukkan konstruk efikasi sendiri guru yang diamalkan oleh responden sangat banyak.

Jadual 3: Skala likert konstruk efikasi sendiri guru

Tahap konstruk	Skor
Sangat banyak	5
Agak sedikit	4
Ada sedikit	3
Sangat sedikit	2
Tiada	1

Soal selidik yang digunakan dalam kajian rintis telah menerima pengesahan daripada pakar dalam bidang berkaitan. Kajian rintis dijalankan bertujuan memastikan instrumen yang diedarkan kepada responden sebenar tidak mengandungi ralat dan menyukarkan responden memahami kehendak soalan (Judith, 2005). Selain itu, kesahan dan kebolehpercayaan item dapat diketahui menerusi kajian rintis (Judith, 2005). Kesahan dan kebolehpercayaan item dapat diukur dengan menggunakan *Pekali Alpha Cronbach* iaitu indeks ketekalan bagi sesuatu konstruk ataupun item (Allen, Bennett & Heritage, 2014). **Jadual 4** menunjukkan julat *Pekali Alpha Cronbach*.

Jadual 4: Julat *Pekali Alpha Cronbach* dan tahap kebolehpercayaan

Pekali Alpha Cronbach	Tahap kebolehpercayaan
Lebih daripada 0.90	Cemerlang
0.80 – 0.89	Baik
0.70 – 0.79	Boleh diterima
0.60 – 0.69	Dipersoalkan
0.50 – 0.59	Lemah
Kurang daripada 0.50	Tidak boleh diterima

Sumber: Mallery dan George (2000)

Seramai 50 orang responden daripada keseluruhan populasi kajian telah dipilih sebagai peserta kajian rintis. Menurut Hertzog (2008) saiz sampel bagi kajian rintis dalam julat 10 sehingga 40 orang sudah mencukupi untuk menilai kebolehpercayaan item instrumen dan untuk mengesan ralat atau masalah pada item instrumen.

Jadual 5 menunjukkan dapatan kajian rintis yang dijalankan terhadap 50 orang guru Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) di daerah Betong, Sarawak. Dapatan kajian menunjukkan semua item yang diadopsi mempunyai ketekalan dan kebolehpercayaan untuk mencapai objektif kajian iaitu mengukur hubungkait tingkah laku kepemimpinan pengetua, kecerdasan spiritual guru dan efikasi sendiri guru. Oleh itu tiada item yang digugurkan daripada soal selidik kajian rintis ini, dan ia digunakan dalam kajian sebenar.

Jadual 5: *Pekali Alpha Cronbach* dan tahap kebolehpercayaan kajian rintis

Konstruk	Bil item	Pekali Alpha Cronbach	Tahap kebolehpercayaan
Kepemimpinan merintis struktur	9	0.865	Baik
Kepemimpinan bertimbang rasa	9	0.759	Boleh diterima
Kecerdasan spiritual	21	0.947	Cemerlang
Efikasi sendiri	12	0.901	Cemerlang

Seterusnya, prosedur pemerolehan data dimulai dengan membuat permohonan melaksanakan kajian kepada Unit Pembangunan dan Pembudayaan Penyelidikan Pendidikan (Eras 2.0) dan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak. Setelah mendapat kelulusan menjalankan kajian, maka kajian rintis dijalankan bagi menguji ketekalan soal selidik yang digunakan serta membuat permohonan rasmi untuk membuat kajian penyelidikan di sekolah yang berkaitan. Setelah mendapat kebenaran menjalankan penyelidikan, soal selidik diedarkan secara dalam talian iaitu menggunakan aplikasi google form kepada guru – guru sekolah menengah kebangsaan di daerah Betong, Sarawak.

Data-data yang diperoleh daripada kajian ini dianalisa dengan menggunakan dua kaedah penganalisaan data iaitu statistik diskriptif dan inferensi. Penganalisaan data statistik diskriptif merangkumi penentuan nilai min, sisihan piawai dan peratusan data. Manakala penganalisaan inferensi digunakan untuk menguji hipotesis serta mengenalpasti hubungan antara tingkah laku kepemimpinan pengetua, kecerdasan spiritual guru dan pembentukan efikasi sendiri guru sekolah menengah kebangsaan di daerah Betong, Sarawak.

4. Hasil Kajian

Dapatan kajian dianalisis secara diskriptif dan inferensi dengan menggunakan sistem *Statistical Package for Social Science* (SPSS versi 25). Analisis deskriptif melibatkan peratusan, kekerapan dan min digunakan untuk menentukan demografi responden, tingkah laku kepemimpinan pengetua, tahap kecerdasan spiritual guru dan tahap efikasi sendiri guru. [Jadual 6](#) menunjukkan interpretasi julat skor min.

Jadual 6 : Interpretasi julat skor min

Skor Min	Tahap / Interpretasi
1.00 hingga 1.80	Sangat rendah
1.81 hingga 2.60	Rendah
2.61 hingga 3.40	Sederhana
3.41 hingga 4.20	Tinggi
4.21 hingga 5.00	Sangat tinggi

Sumber: [Jainabee dan Jamil \(2009\)](#)

4.1. Demografi kajian

Responden kajian merupakan guru SMK yang bertaraf tetap di daerah Betong, Sarawak. Seramai 141 orang responden telah mengikuti kajian tinjauan ini. [Jadual 7](#) menunjukkan demografi responden kajian.

Jadual 7 : Demografi responden kajian

Item		Bilangan	Peratus %
Jantina	Lelaki	58	41.1
	Perempuan	83	58.9
	20 tahun – 30 tahun	17	12.1
Umur	31 tahun – 40 tahun	68	48.2
	41 tahun – 50 tahun	38	27.0
	51 tahun ke atas	18	12.8
Bangsa	Melayu	77	54.6
	Cina	18	12.8
	Bumiputera Sarawak	46	32.6
Agama	Islam	80	56.7
	Kristian	47	33.3
	Hindu	2	1.40
Pendidikan tertinggi	Buddha	12	8.50
	Ijazah Sarjana Muda	124	87.9
	Ijazah Sarjana Lanjutan	17	12.1
Pengalaman mengajar	Kurang 5 tahun	22	15.6
	5 tahun – 10 tahun	52	36.9
	11 tahun – 15 tahun	19	13.5

	16 tahun – 20 tahun	16	11.3
	21 tahun dan ke atas	32	22.7
Bilangan tahun berkhidmat di bawah pengetua terkini	Kurang 3 tahun	117	83.0
	Lebih 3 tahun	24	17.0

Berdasarkan [Jadual 7](#), seramai 58 orang responden iaitu 41.1% adalah guru lelaki dan 83 orang responden iaitu 58.9% adalah terdiri daripada guru perempuan. Responden terdiri daripada 3 kumpulan etnik iaitu seramai 77 orang responden iaitu 54.6% adalah guru berbangsa Melayu, seramai 18 orang responden iaitu 12.8% adalah guru berbangsa Cina dan seramai 46 orang responden iaitu 32.6% adalah guru Bumiputera Sarawak. Dapatan juga menunjukkan seramai 17 orang responden iaitu 12.1% guru berusia di antara 20 tahun sehingga 30 tahun, 68 orang responden iaitu 48.2% guru berusia 31 tahun sehingga 40 tahun, 38 orang responden iaitu 27% orang guru berusia 41 tahun sehingga 50 tahun dan seramai 18 orang responden iaitu 12.8% guru berusia 51 tahun ke atas. Berdasarkan dapatan juga, didapati seramai 80 orang responden iaitu 56.7% adalah beragama Islam, 47 orang responden iaitu 33.3% adalah beragama Kristian, 2 orang responden iaitu 1.4% beragama Hindu dan 12 orang responden iaitu 8.5% guru beragama Buddha.

Seterusnya berdasarkan pendidikan tertinggi, responden terdiri daripada guru – guru yang mempunyai pendidikan tertinggi Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana Lanjutan. Berdasarkan dapatan kajian di dapati seramai 124 orang guru iaitu 87.9% guru mempunyai pendidikan tertinggi Ijazah Sarjana Muda dan seramai 17 orang guru iaitu 12.1% guru mempunyai pendidikan tertinggi Ijazah Sarjana Lanjutan. Kajian ini turut mengkaji pengalaman mengajar guru-guru sekolah menengah di daerah Betong, Sarawak. Dapatan kajian mendapati seramai 22 orang guru iaitu 15.6% guru mempunyai pengalaman mengajar kurang 5 tahun, 52 orang iaitu 36.9% mempunyai pengalaman mengajar 5 tahun sehingga 10 tahun, seramai 19 orang iaitu 13.5% mempunyai pengalaman mengajar 11 tahun sehingga 15 tahun, seramai 16 orang guru iaitu 11.3% mempunyai pengalaman mengajar 16 tahun sehingga 20 tahun dan seramai 32 orang guru iaitu 22.7% mempunyai pengalaman mengajar 21 tahun dan ke atas. Selain itu, responden turut ditanya mengenai bilangan tahun mereka berkhidmat di bawah pengetua terkini. Berdasarkan dapatan kajian didapati, seramai 117 orang guru iaitu 83% berkhidmat kurang 3 tahun dengan pengetua semasa dan seramai 24 orang guru sahaja iaitu 17% telah berkhidmat dibawah pengetua semasa melebihi 3 tahun.

4.2. Tingkah laku kepemimpinan pengetua

Berdasarkan dapatan kajian didapati pengetua sekolah menengah kebangsaan di daerah Betong mengamalkan kepemimpinan merintis struktur dan bertimbang rasa pada tahap tinggi (min 4.09, sp=.719). Berdasarkan [Jadual 8](#) didapati konstruk kepemimpinan merintis struktur pada tahap sangat tinggi iaitu (min 4.26, sp=.626) dan kepemimpinan bertimbang rasa juga berada pada tahap tinggi iaitu (min 3.93, sp=.812).

Jadual 8 : Tingkah laku kepemimpinan pengetua

Jenis tingkah laku kepemimpinan pengetua	min	sp	Tahap
Merintis struktur	4.26	.626	Sangat tinggi
Bertimbang rasa	3.93	.812	Tinggi
Keseluruhan	4.09	.719	Tinggi

Secara keseluruhannya, berdasarkan persepsi guru – guru sekolah menengah di daerah Betong, pengetua sekolah menengah di daerah tersebut telah membudayakan tingkah laku kepemimpinan merintis struktur dan bertimbang rasa dalam pentadbiran sekolah.

4.3. Kecerdasan spiritual guru

Berdasarkan dapatan kajian pada [Jadual 9](#), didapati guru - guru sekolah menengah kebangsaan di daerah Betong mempunyai tahap kecerdasan spiritual yang tinggi iaitu (min 3.83, sp=.726). Dapatan kajian menunjukkan konstruk Pemikiran Eksistensial Kritikal (CET) pada tahap tinggi iaitu (min 3.72, sp=.875). Seterusnya, konstruk Pengeluaran Makna Peribadi (PMP) juga berada pada tahap tinggi iaitu (min 4.00, sp=.639). Disamping itu, konstruk Kesedaran Transendental (TA) juga berada pada tahap tinggi iaitu (min 3.71, sp=.704) dan konstruk kecerdasan spiritual yang keempat iaitu Pengembangan Keadaan Sadar (CSE) juga berada pada tahap tinggi iaitu (min 3.89, sp=.684). Secara keseluruhannya, berdasarkan persepsi guru – guru sekolah menengah di daerah Betong, didapati mempunyai tahap kecerdasan spiritual yang tinggi.

Jadual 9 : Kecerdasan spiritual guru

Konstruk kecerdasan spiritual	min	sp	Tahap
Pemikiran Eksistensial Kritikal (CET)	3.72	.875	Tinggi
Pengeluaran Makna Peribadi (PMP)	4.00	.639	Tinggi
Kesedaran Transendental (TA)	3.71	.704	Tinggi
Pengembangan Keadaan Sadar (CSE)	3.89	.684	Tinggi
Keseluruhan	3.83	.726	Tinggi

4.4. Efikasi sendiri guru

Berdasarkan [Jadual 10](#) didapati guru - guru sekolah menengah kebangsaan di daerah Betong mempunyai tahap efikasi sendiri guru yang sangat tinggi iaitu (min 4.20, sp=.572). Dapatan kajian menunjukkan konstruk penglibatan murid berada pada tahap tinggi iaitu (min 4.19, sp=.593), manakala bagi konstruk amalan instruksional juga berada pada tahap tinggi iaitu (min 4.13, sp=.559) dan konstruk pengurusan bilik darjah berada pada tahap sangat tinggi iaitu (min 4.28, sp=.563). Secara keseluruhannya, berdasarkan persepsi guru – guru sekolah menengah kebangsaan di daerah Betong, guru - guru mempunyai tahap efikasi sendiri yang sangat tinggi.

Jadual 10 : Efikasi sendiri guru

Konstruk efikasi sendiri	min	sp	Tahap
Penglibatan murid	4.19	.593	Tinggi
Amalan instruksional	4.13	.559	Tinggi
Pengurusan bilik darjah	4.28	.563	Sangat tinggi
Keseluruhan	4.20	.572	Sangat tinggi

4.5. Hubungan antara tingkah laku kepemimpinan pengetua, kecerdasan spiritual guru dan efikasi sendiri guru

Ho: Tidak terdapat hubungan antara tingkah laku kepemimpinan pengetua, kecerdasan spiritual guru dan efikasi sendiri guru sekolah menengah di daerah Betong, Sarawak.

Hubungan antara tingkah laku kepemimpinan pengetua, kecerdasan spiritual guru dan efikasi sendiri guru dapat ditentukan melalui ujian korelasi *Pearson's, r*. Hal ini kerana ujian korelasi *Pearson's* dapat menentukan arah hubungan antara pembolehubah serta kekuatan hubungan bagi setiap pembolehubah (Allen et al., 2014). Jadual 11 menunjukkan interpretasi kekuatan nilai korelasi oleh Dancey dan Reidy (2017).

Jadual 11 : Interpretasi kekuatan nilai korelasi

Nilai Korelasi	Tahap / Interpretasi
+1 / -1	Sempurna
+0.9 sehingga +0.7 / -0.9 sehingga -0.7	Kuat
+0.6 sehingga +0.4 / -0.6 sehingga -0.4	Sederhana
+0.3 sehingga +0.1 / -0.3 sehingga -0.1	Lemah
0	Tiada

Sumber: Dancey dan Reidy, (2017)

Sebelum analisis korelasi *Pearson's* dijalankan ujian *normality, linearity* dan *homoscedasticity* perlu dijalankan bagi memenuhi andaian analisis parametrik. Ujian Kalmogorov - Smirnov ($n > 50$) menunjukkan data tidak bertaburan secara normal, konstruk penglibatan murid $D(141) = .244$, $p = .000$, konstruk amalan instruksional $D(141) = .267$, $p = .000$, konstruk pengurusan bilik darjah $D(141) = .305$, $p = .000$; ($p < .05$). Ujian ini telah membuktikan bahawa data tidak memenuhi andaian statistik bagi menjalankan ujian Pekali *Pearson* berdasarkan analisis SPSS. Oleh itu, data akan dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis bukan parametrik iaitu *Spearman's Rho* dan *Kendall's Tau-B*. Analisis *Spearman's Rho* dan *Kendall's Tau-B* dapat digunakan untuk menentukan hubungan serta kekuatan hubungan bagi pembolehubah ordinal (Allen et al., 2014).

Berdasarkan Jadual 12, didapati bahawa pekali korelasi *Spearman's Rho* menunjukkan wujudnya hubungan linear positif yang kuat dan signifikan antara tingkah laku kepemimpinan pengetua dengan efikasi sendiri guru [$r_s = .967$, $p < 0.05$, $N = 141$] dan kecerdasan spiritual guru dengan efikasi sendiri guru [$r_s = .903$, $p < 0.05$, $N = 141$]. Selain itu, data yang dianalisis dengan menggunakan pekali korelasi *Kendall's Tau-B* turut menunjukkan terdapatnya hubungan linear yang kuat dan signifikan antara tingkah laku kepemimpinan pengetua dengan efikasi sendiri guru [$T_b = .916$, $p < 0.05$, $N = 141$] dan kecerdasan spiritual guru dengan efikasi sendiri guru [$T_b = .818$, $p < 0.05$, $N = 141$]. Menurut Dancey dan Reidy (2017) dalam Jadual 11, nilai korelasi ± 0.7 sehingga ± 0.9 adalah hubungan yang kuat. Daripada dapatan kajian ini, kesimpulan yang boleh dibina adalah terdapat kemungkinan bahawa semakin tinggi tahap kepemimpinan pengetua dan kecerdasan spiritual guru, maka semakin tinggi efikasi sendiri guru.

Jadual 12 : Analisis korelasi

Konstruk	<i>Spearman's Rho</i>	<i>Kendall's Tau-B</i>	Sig	Tahap
Kepemimpinan pengetua	4.19	.593	0.000	Tinggi
Kecerdasan spiritual	4.13	.559	0.000	Tinggi

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan guru – guru SMK di daerah Betong, Sarawak mempunyai tahap efikasi sendiri dan tahap kecerdasan spiritual yang tinggi. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pengetua SMK di daerah Betong,

Sarawak mengamalkan gaya kepemimpinan merintis struktur dan gaya kepemimpinan bertimbang rasa yang tinggi. Sehubungan dengan itu, dapatan daripada analisa *Spearman's Rho* dan *Kendall's Tau-B* menunjukkan terdapatnya hubungan kuat yang signifikan antara tingkah laku kepemimpinan pengetua dan tahap kecerdasan spiritual guru dengan pembentukan efikasi sendiri guru. Oleh itu, hipotesis null di tolak.

5. Perbincangan Kajian

5.1. Tingkah laku kepemimpinan pengetua

Dapatan kajian menunjukkan pengetua sekolah menengah di daerah Betong mentadbir sekolah dengan gaya kepemimpinan merintis struktur dan bertimbang rasa pada tahap tinggi. Dapatan kajian ini sejajar dengan dapatan kajian oleh [Stogdill \(1963\)](#) iaitu gaya kepemimpinan merintis struktur dan bertimbang rasa merupakan gaya kepemimpinan yang paling banyak diamalkan oleh pemimpin. Selain itu, menurut [Cornelissen dan Smith \(2022\)](#) gaya kepemimpinan merintis struktur merupakan gaya kepemimpinan yang efektif diamalkan dalam organisasi pendidikan kerana ia memberikan impak yang positif terhadap keberhasilan murid khususnya dalam bidang akademik. Sehubungan dengan itu, menurut [Tang et al. \(2020\)](#) gaya kepemimpinan pengetua yang bersifat toleransi dan bertimbang rasa bukan sahaja dapat meningkatkan tahap kepuasan bekerja dalam kalangan guru, malah ia dapat meningkatkan keberhasilan murid dengan cetusan idea – idea bernas daripada kalangan guru. Secara ringkasnya, gaya kepemimpinan merintis struktur dan gaya kepemimpinan bertimbang rasa merupakan gaya kepemimpinan yang efektif diamalkan pemimpin sekolah.

5.2. Kecerdasan spiritual guru sekolah menengah

Dapatan tinjauan berdasarkan persepsi guru, mendapati guru-guru sekolah menengah di daerah Betong, Sarawak mempunyai tahap kecerdasan spiritual yang tinggi. Selari dengan dapatan kajian oleh [Yahyazadeh-Jeloudar dan Lotfi-Goodarzi \(2012\)](#) yang mendapati kecerdasan spiritual guru sekolah menengah di Iran adalah tinggi. Tambahan lagi, ia mendapati kecerdasan spiritual yang tinggi dapat meningkatkan kepuasan bekerja khususnya dalam aspek rutin harian pekerjaan, sikap terhadap pentadbir, hubungan dengan rakan sekerja dan persekitaran tempat bekerja. Selain itu, sejajar dengan dapatan kajian oleh [Kulshrestha dan Singhal \(2017\)](#) iaitu terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan spiritual dengan peningkatan kualiti guru dan sekolah. Kesimpulannya, kecerdasan spiritual yang tinggi dapat meningkatkan tahap kepuasan bekerja, peningkatan kualiti guru dan pembentukan sekolah yang efisien.

5.3. Efikasi sendiri guru sekolah menengah

Hasil tinjauan terhadap guru-guru SMK di daerah Betong didapati tahap efikasi sendiri guru berada pada tahap sangat tinggi. Selain itu, kebanyakan hasil kajian mendapati tahap efikasi sendiri guru-guru di Malaysia berada pada tahap yang tinggi ([Mohd, Nawawi & Ismail, 2017](#); [Ismail, Yen & Abdullah, 2017](#)). Dapatan ini juga selari dengan [Mahmoodi, Hosseiniyar dan Samoudi \(2022\)](#) iaitu guru-guru di Iran juga mempunyai tahap efikasi sendiri yang tinggi. Tambahan lagi menurut [Mahmoodi et al., \(2022\)](#) efikasi sendiri guru yang tinggi menyumbang kepada peningkatan prestasi murid, pengurusan bilik darjah yang efektif dan prestasi sendiri guru. Ringkasnya guru yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi mampu mewujudkan proses pengajaran dan pembelajaran

yang bermakna serta mampu mengaktifkan sistem kognitif murid (Holzberger et al., 2013).

5.4. Hubungan antara tingkah laku kepemimpinan pengetua, kecerdasan spiritual guru dan efikasi sendiri guru sekolah menengah

Berdasarkan ujian korelasi Spearman's Rho dan Kendall's Tau-B didapati wujudnya hubungan linear positif yang kuat dan signifikan antara tingkah laku kepemimpinan pengetua, kecerdasan spiritual dan efikasi sendiri guru. Ini berkemungkinan semakin tinggi tingkah laku kepemimpinan merintis struktur dan bertimbang rasa diamalkan oleh pengetua serta semakin tinggi kecerdasan spiritual guru maka semakin tinggi efikasi sendiri guru.

Dapatan kajian ini didapati selari dengan kajian oleh Mehdinezhad dan Mansouri (2016), Omar dan Ismail (2019) serta Musa et al., (2020) yang mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara tingkah laku kepemimpinan pengetua dengan pembentukan efikasi sendiri guru. Tambahan lagi, menurut Kempa, Ulorlo dan Wenno (2017) tingkah laku kepemimpinan pengetua yang berkesan dapat mewujudkan kerjasama yang baik antara guru dengan pengetua serta mampu mewujudkan suasana kerja yang harmoni. Disamping itu, menurut Shin (2020) kepemimpinan pengetua dapat mempengaruhi sikap guru dan keyakinan guru dalam mendidik dan membentuk murid menjadi modal insan yang berkualiti. Selain itu, selari dengan dapatan kajian oleh Marghzar dan Marzban (2018) iaitu terdapat hubungan signifikan antara kecerdasan spiritual guru dengan efikasi sendiri guru. Disamping itu, guru yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi dapat mempengaruhi pembentukan motivasi dan pencapaian akademik murid (Marghzar & Marzban, 2018).

6. Implikasi kajian

Kajian mengenai efikasi sendiri guru penting kepada sektor pendidikan. Hal ini kerana dapatan kajian mengenai efikasi sendiri guru dapat digunakan oleh sektor pendidikan dalam merangka program bagi melahirkan guru-guru yang kompeten dalam bidang pendidikan. Selain itu berdasarkan dapatan kajian, pengetua-pengetua sekolah dapat menentukan jenis tingkah laku kepemimpinan yang sesuai diamalkan bagi melahirkan guru yang mempunyai efikasi sendiri tinggi, berkualiti, komited terhadap tugas mendidik dan bermotivasi dalam profesion perguruan agar dapat memastikan keberhasilan dalam pencapaian akademik murid. Disamping itu, dapatan kajian dapat dijadikan sebagai panduan kepada guru-guru dalam meningkatkan tahap kecerdasan spiritual mereka agar dapat membentuk efikasi sendiri yang menjadi tunjang kepada kualiti guru. Secara keseluruhannya aspek efikasi sendiri guru dapat memacu pendidikan yang berkualiti serta mampu memacu kehidupan yang sejahtera dan dapat melahirkan generasi yang mampu menghadapi cabaran arus globalisasi yang bersifat universal.

7. Cadangan kajian lanjutan

Hasil kajian juga dapat digunakan oleh pengkaji seterusnya dalam menentukan pembolehubah-pembolehubah baru dalam kajian mengenai pembentukan efikasi sendiri guru. Cadangan kajian lanjutan ialah kajian terhadap lokasi dan jenis sampel yang berbeza. Contohnya mengenalpasti hubungan tingkah laku kepemimpinan pengetua, kecerdasan spiritual dan efikasi sendiri guru sekolah rendah di luar bandar.

Dapatan kajian yang baharu juga dapat disasarkan dengan memperluaskan saiz sampel kajian kepada semua guru sekolah menengah kebangsaan luar bandar di seluruh Sarawak. Secara keseluruhannya kajian mengenai hubungan antara tingkah laku kepemimpinan pengetua dan kecerdasan spiritual terhadap pembentukan efikasi sendiri guru ini banyak memberi manfaat terhadap sektor pendidikan khususnya Jabatan Pendidikan Negeri, Sarawak dalam meningkatkan kualiti guru dan seterusnya meningkatkan pencapaian akademik murid di negeri Sarawak.

8. Kesimpulan

Kesimpulannya, aspek efikasi sendiri guru dituntut kepada semua guru tanpa mengira lokasi. Hal ini kerana guru yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi akan berusaha bersungguh-sungguh memberikan komitmen terhadap profesinya dan berusaha menghasilkan murid yang berkualiti secara holistik. Tambahan lagi, guru yang mempunyai efikasi sendiri tinggi juga akan sentiasa bersedia memberi pandangan dan sumbangan demi kepentingan sekolah agar dapat menyumbang dalam peningkatan kualiti pengajaran guru serta motivasi dan penglibatan murid dalam proses pembelajaran dan pengajaran.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (RECUKM). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikut kajian turut diperolehi daripada semua peserta kajian. Seterusnya, prosedur pemerolehan data dimulai dengan membuat permohonan melaksanakan kajian kepada Unit Pembangunan dan Pembudayaan Penyelidikan Pendidikan (Eras 2.0) dan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada responden yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini. Terima kasih kepada penyelia kajian atas tunjuk ajar, serta terima kasih kepada sekolah – sekolah yang terlibat dalam kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan terhadap kajian ini.

Rujukan

Abdullah, M. Y., Talip, R., & Majid, D. F. (2017). Pengaruh transformasi pengajaran, kesediaan dan kepemimpinan guru terhadap penglibatan pembelajaran pelajar

- sekolah menengah luar bandar di sabah. *Jurnal Kesidang*, 2(1), 96-202.
- Adam, Z., Kassim, F., & Salleh, M. J. (2009). Memperkasakan Pendidikan Luar Bandar / Zalika Adam. In: *Prosiding "Persidangan Kebangsaan Pendidikan Luar Bandar 2009"*, 3 – 5 Februari 2009, Hotel Beverly, Kota Kinabalu, Sabah. Anjuran: Sekolah Pembangunan dan Pendidikan Sosial, University Malaysia Sabah.
- Allen, P., Bennett, K., & Heritage, B. (2014). *SPSS statistics version 22: A practical guide*. Cengage Learning Australia.
- Bakar, F., & Amat, S. (2022). Efikasi Kendiri, Sokongan Sosial Dan Kepuasan Kerja Dalam Kalangan Guru. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 363-371.
- Bandura, A. (1994). Self-efficacy. In V. S. Ramachaudran (Ed.), *Encyclopedia of human behavior* (Vol. 4, pp. 71-81). New York: Academic Press. (Reprinted in H. Friedman [Ed.], *Encyclopedia of mental health*. San Diego: Academic Press, 1998).
- Barni, D., Danioni, F., & Benevene, P. (2019). Teachers' self-efficacy: The role of personal values and motivations for teaching. *Frontiers in psychology*, 10, 1645.
- Bass, B. M., & Avolio, B. J. (1993). Transformational leadership and organizational culture. *Public administration quarterly*, 112-121.
- Belalang, W. N. A., & Abd Rahman, M. J. B. (2016, January). Kemahiran Literasi Ict Dalam Kalangan Pelajar Iban Di Luar Bandar Sibu, Sarawak. Isu Dan Cabaran. *Proceeding 7th International Seminar on Regional Education*, 1, 606-622.
- Bellibas, M. S., & Liu, Y. (2017). Multilevel analysis of the relationship between principals' perceived practices of instructional leadership and teachers' self-efficacy perceptions. *Journal of Educational Administration*, 55(1), 49-69.
- Bilim, I. (2014). Pre-service elementary teachers' motivations to become a teacher and its relationship with teaching self-efficacy. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 152, 653-661.
- Brislin, R. W. (1970). Back-translation for cross-cultural research. *Journal of cross-cultural psychology*, 1(3), 185-216.
- Chacón, C. T. (2005). Teachers' perceived efficacy among English as a foreign language teachers in middle schools in Venezuela. *Teaching and Teacher Education*, 21(3), 257-272.
- Cohen, J. (2013). *Statistical power analysis for the behavioral sciences*. Routledge.
- Cornelissen, R. P., & Smith, J. (2022). Leadership approaches of principals heading National Strategy Learner Attainment schools in South Africa. *International Journal of Educational Leadership and Management*, 56-83.
- Cresswell, J. W. (2012). Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research. *Educational Research*, 10, 1-12.
- Dancey, C., & Reidy, J. (2017). *Statistics Without Maths for Psychology eBook PDF*. Pearson Higher Ed.
- Emmons, R. A. (2000). Is spirituality an intelligence? Motivation, cognition, and the psychology of ultimate concern. *The International Journal for the psychology of Religion*, 10(1), 3-26.
- Fleishman, E. A. (1998). Consideration and structure: Another look at their role in leadership research. *Monographs in Organizational Behavior and Industrial Relations*, 24, 51-60.
- Halik, A., Suredah, M., & Ahdar, M. (2018, July). The Influence of Emotional and Spiritual Intelligence of Educator towards Learning Quality Improvement. In *2018 3rd International Conference on Education, Sports, Arts and Management Engineering (ICESAME 2018)* (pp. 1-4). Atlantis Press.
- Hertzog, M. A. (2008). Considerations in determining sample size for pilot studies. *Research in nursing & health*, 31(2), 180-191.
- Holzberger, D., Philipp, A., & Kunter, M. (2013). How teachers' self-efficacy is related to

- instructional quality: A longitudinal analysis. *Journal of educational psychology*, 105(3), 774.
- Hoy, A. W., Hoy, W. K., & Davis, H. A. (2009). Teachers' self-efficacy beliefs. In *Handbook of motivation at school* (pp. 641-668). Routledge.
- Ibrahim, B. (2014). Kemiskinan Dan Pengaruhnya Terhadap Motivasi Dan Prestasi Belajar Anak-Anak Di Kota Langsa. *INFERENSI: Jurnal Penelitian Sosial Keagamaan*, 8(1), 68-92.
- Ismail, A., Yen, L. H., & Abdullah, A. G. K. (2017). Komuniti pembelajaran profesional dan efikasi sendiri guru sekolah menengah di Pulau Pinang. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 2(1), 1-12.
- Jaafar, N., & Tamuri, A. H. (2013). Hubungan antara efikasi sendiri dengan kualiti guru pendidikan Islam Sekolah Menengah Kebangsaan Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 5(1), 41-60.
- Jainabee, K., & Jamil, A. (2009). Kualiti Kepimpinan Pengetua Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan Zon Selatan, Malaysia. In *Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan Ke-16. Institut Aminudin Baki*.
- Judith, B. (2005). *Doing your research project*. New York. British library.
- Kempa, R., Ulorlo, M. and Wenno, I.H., 2017. Effectiveness Leadership of Principal. *International Journal of Evaluation and Research in Education*, 6(4), pp.306-311.
- King, D.B. (2009). *Rethinking claims of spiritual intelligence: A definition, model, and measure*. [Unpublished Master's Thesis], Trent University, Peterborough, Ontario, Canada.
- Klassen, R. M., & Chiu, M. M. (2010). Effects on teachers' self-efficacy and job satisfaction: Teacher gender, years of experience, and job stress. *Journal of educational Psychology*, 102(3), 741.
- Klassen, R. M., & Tze, V. M. (2014). Teachers' self-efficacy, personality, and teaching effectiveness: A meta-analysis. *Educational research review*, 12, 59-76.
- Kulshrestha, S., & Singhal, T. K. (2017). Impact of spiritual intelligence on performance and job satisfaction: A study on school teachers. *International Journal of Human Resource & Industrial Research*, 4(2), 1-6.
- Künsting, J., Neuber, V., & Lipowsky, F. (2016). Teacher self-efficacy as a long-term predictor of instructional quality in the classroom. *European Journal of Psychology of Education*, 31(3), 299-322.
- Li, K. M., & Cheung, R. Y. (2021). Pre-service teachers' self-efficacy in implementing inclusive education in Hong Kong: The roles of attitudes, sentiments, and concerns. *International Journal of Disability, Development and Education*, 68(2), 259-269.
- Maddux, J. E. (Ed.). (2013). *Self-efficacy, adaptation, and adjustment: Theory, research, and application*. Springer Science & Business Media.
- Maddux, J. E., & Gosselin, J. T. (2012). *Self-efficacy*. The Guilford Press.
- Mahmoodi, M. H., Hosseiniyar, S., & Samoudi, N. (2022). EFL Teachers' Classroom Management Orientation, Self-Efficacy, Burnout, and Students' L2 Achievement. *Profile Issues in Teachers Professional Development*, 24(1), 29-44.
- Mallery, P., & George, D. (2000). *SPSS for windows step by step*. Allyn & Bacon, Inc..
- Marghzar, S. H., & Marzban, A. (2018). The relationship between spiritual intelligence and efficacy among Iranian EFL teachers. *Theory and Practice in Language Studies*, 8(1), 67-73.
- Mark, M. M., Donaldson, S. I., & Campbell, B. (2011). Building a Better Future. *Social Psychology and Evaluation*, 373.
- Maxwell, M. A., & Surat, S. (2020). Pengaruh Latar Belakang Keluarga Dan Pencapaian

- Akademik Pelajar Di SMK Bau. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(1), 227-233.
- Mehdinezhad, V., & Mansouri, M. (2016). School Principals' Leadership Behaviours and Its Relation with Teachers' Sense of Self-Efficacy. *International Journal of Instruction*, 9(2), 51-60.
- Mishra, P. R. A. T. I. M. A., & Vashist, K. A. M. L. A. (2014). A review study of spiritual intelligence, stress and well-being of adolescents in 21st century. *International Journal of Research in Applied Natural and Social Sciences*, 2(4), 11-24.
- Mohd, A. B., Nawawi, A. B. M., & Ismail, S. N. B. (2016). Tahap efikasi guru dan hubungannya dengan pencapaian sekolah di sekolah-sekolah menengah dalam daerah Bachok. *Proceedings of the ICECRS*, 1(1), v1i1-500.
- Mojavezi, A., & Tamiz, M. P. (2012). The Impact of Teacher Self-efficacy on the Students' Motivation and Achievement. *Theory & Practice in Language Studies*, 2(3).
- Muflihini, M. H. (2008). Kepemimpinan Pendidikan: Tinjauan terhadap Teori Sifat dan Tingkah-laku. *INSANIA: Jurnal Pemikiran Alternatif Kependidikan*, 13(1), 67-86.
- Muhonen, H., Pakarinen, E., Rasku-Puttonen, H., & Lerkkanen, M. K. (2021). Educational dialogue among teachers experiencing different levels of self-efficacy. *Learning, Culture and Social Interaction*, 29, 100493.
- Musa, J. B., Nazarudin, M. N. B., Noordin, Z. B., & Juati, N. A. (2020). Investigating instructional leadership, transformational leadership, self-efficacy and trust among primary school teacher. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 5(35), 237-248.
- Nir, A. E., & Kranot, N. (2006). School Principal's Leadership Style and Teachers' Self-Efficacy. *Planning and changing*, 37, 205-218.
- Noraini, A., Hamidon, K., Izham, M., & Hamzah, M. (2014). Peranan pengetua sebagai pemimpin teknologi di sekolah menengah kebangsaan di Malaysia. *Jurnal Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan*, 28(2), 61-90.
- Okoye, N. S., Momoh, S. O., Aigbomian, D. O., & Okecha, R. E. (2008). Teachers' quality, instructional strategies and students' performance in secondary school science. *Journal of instructional psychology*, 35(2), 204-212.
- Omar, M. N., & Ismail, S. N. (2019). Hubungan kepemimpinan teknologi pengetua dan efikasi sendiri guru. *JuPiDi: Jurnal kepemimpinan pendidikan*, 6(4), 1-21.
- Othman, J. (2011). Hubungan?? Antara penglibatan ibubapa dan pencapaian akademik pelajar miskin di negeri Selangor. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 3(2), 31-40.
- Polatcan, M., Arslan, P., & Balci, A. (2021). The mediating effect of teacher self-efficacy regarding the relationship between transformational school leadership and teacher agency. *Educational Studies*, 1-19.
- Rahmawati, E., Ahmad, K., & Suriansyah, A. (2019). Relationship Between Emotional Intelligence, Spiritual Intelligence And Teacher Performance Through Work Motivation As Intervening Variable In Islamic Elementary School In Banjarmasin, Indonesia. *European Journal Of Education Studies*, 0. Doi:Http://Dx.Doi.Org/10.46827/Ejes.V0i0.2309
- Rashid, S. M. R. A. (2008). *Peluang dan cabaran pendidikan dalam kalangan masyarakat luar bandar: satu kajian kes isi rumah melayu miskin di jajahan bachok kelantan*. [Unpublished Masters Thesis], University Sains Malaysia, Malaysia.
- Rashid, S. M. R. A., & Samat, N. (2018). Kemiskinan keluarga dan pengaruhnya terhadap tahap pendidikan rendah masyarakat luar bandar: Kajian kes di Jajahan Bachok, Kelantan. *e-BANGI*, 13(2), 11-23.
- Reid, K. (2023). The Impact of Transformational Leadership Style on Educational Stakeholders. In *Transformational Leadership Styles, Management Strategies, and Communication for Global Leaders* (pp. 165-182). IGI Global.

- Schunk, D. H., & DiBenedetto, M. K. (2016). Self-efficacy theory in education. In *Handbook of motivation at school* (pp. 34-54). Routledge.
- Setyorini, R. (2016, January). Pemanfaatan Internet sebagai Implementasi ICT dan Sarana Memotivasi Belajar Sastra di Sekolah. In *Prosiding Seminar Nasional Teknologi Pendidikan*.
- Shahzad, K., & Naureen, S. (2017). Impact of Teacher Self-Efficacy on Secondary School Students' Academic Achievement. *Journal of Education and Educational Development, 4*(1), 48-72.
- Shin, L. F. (2020). Kompetensi Kepimpinan Perubahan Pengetua dan Efikasi Kendiri Guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 5*(9), 90-97.
- Singla, H., Mehta, M. D., & Mehta, P. (2021). Modeling spiritual intelligence on quality of work life of college teachers: a mediating role of psychological capital. *International Journal of Quality and Service Sciences, 13*(3), 341-358.
- Sirait, J. (2020). The Commitment of a Headmaster Leadership of Learning to Improve the Quality of Education: The Commitment of a Headmaster Leadership of Learning to Improve the Quality of Education. *Jurnal Mantik, 4*(2), 1070-1075.
- Soe, H. Y. (2018). Challenges for the development of education in rural area of Myanmar. *Bulgarian Journal of Science and Education Policy, 12*(2), 289-302.
- Stogdill, R. M. (1963). *Manual for the leader behavior description questionnaire-Form XII*. Bureau of Business Research, College of Commerce and Administration, Ohio State University experimental rev.
- Stogdill, R. M., & Coons, A. E. (1957). *Leader behavior: Its description and measurement*. Ohio State Univer., Bureau of Busin.
- Stogdill, R. M., Goode, O. S., & Day, D. R. (1962). New leader behavior description subscales. *The journal of psychology, 54*(2), 259-269.
- Tang, G., Chen, Y., van Knippenberg, D., & Yu, B. (2020). Antecedents and consequences of empowering leadership: Leader power distance, leader perception of team capability, and team innovation. *Journal of Organizational Behavior, 41*(6), 551-566.
- Tschannen-Moran, M., & Hoy, A. W. (2001). Teacher efficacy: Capturing an elusive construct. *Teaching and teacher education, 17*(7), 783-805.
- Vaughan, F. (2002). What is spiritual intelligence?. *Journal of humanistic psychology, 42*(2), 16-33.
- Yahyazadeh-Jeloudar, S., & Lotfi-Goodarzi, F. (2012). What is the relationship between spiritual intelligence and job satisfaction among ma and ba teachers?. *International Journal of Business and Social Science, 3*(8).
- Yalçinkaya, S., Dağlı, G., Altınay, F., Altınay, Z., & Kalkan, Ü. (2021). The effect of leadership styles and initiative behaviors of school principals on teacher motivation. *Sustainability, 13*(5), 2711.
- Yettick, H., Baker, R., Wickersham, M., & Hupfeld, K. (2014). Rural districts left behind? Rural districts and the challenges of administering the Elementary and Secondary Education Act. *Journal of Research in Rural Education (Online), 29*(13), 1.
- Zee, M., & Koomen, H. M. (2016). Teacher self-efficacy and its effects on classroom processes, student academic adjustment, and teacher well-being: A synthesis of 40 years of research. *Review of Educational research, 86*(4), 981-1015.
- Zhaleh, K., & Ghonsooly, B. (2017). Investigating the relationship between spiritual intelligence and burnout among EFL teachers. *International Journal of Educational Investigations, 4*(2), 49-61.
- Zohar, D. (2012). *Spiritual intelligence: The ultimate intelligence*. Bloomsbury publishing.